

PENILAIAN KEBERKESANAN PROGRAM SHEILDS MENGGUNAKAN PENDEKATAN PRA DAN PASCA PROGRAM

(Assessing The Effectiveness of SHIELDS Program Using Pre-Post Test)

Rozmi Ismail¹, Noh Amit², Norhayati Ibrahim², Mohd Ajib Abdul Razak¹, Mohd Nasir
Selamat¹, Noordeyana Tambi¹, Nor Azri Ahmad³ & Nurul Shafini Shafuridin¹

Pusat Psikologi dan Kesejahteraan Manusia Fakulti Sanis Sosial dan Kemanusiaan¹,
Fakulti Sains Kesihatan² Universiti Kebangsaan Malaysia
Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)³

Corresponding author: rozmi@ukm.edu.my

ABSTRAK

Susulan kemerosotan disiplin dan peningkatan kes-kes penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar sekolah pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dengan kerjasama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) telah menganjurkan program 'Sayangi Hidup, Elak Derita Selamanya' (SHIELDS) bagi memberi pendedahan serta meningkatkan kesedaran kepada pelajar berisiko mengenai bahaya dadah, serta hukuman penyalahgunaannya. Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan program ini dalam meningkatkan pengetahuan peserta mengenai dadah dan peningkatan daya tahan diri peserta untuk mengelakkan diri mereka daripada terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Kajian menggunakan reka bentuk *pre-post* dan *'follow up'* digunakan dalam kajian ini dan menggunakan set borang soal selidik yang merangkumi set soalan pra dan juga pasca program yang merangkumi aspek pengetahuan asas mengenai dadah, kesan negatif, tindakan pelajar sekiranya rakan mereka terlibat dengan dadah, pengetahuan mengenai cara pengedaran dadah, faktor risiko, sikap terhadap masa depan mereka, serta kesan yang wujud selepas mengikuti program ini. Seramai 559 pelajar sekolah menengah daripada daerah-daerah terpilih di Semenanjung Malaysia telah terlibat dengan kajian ini. Hasil dapatan kajian ini yang dianalisis secara deskriptif menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam aspek pengetahuan kesan pengambilan dadah, pengetahuan aktiviti berkaitan dadah, pengetahuan tentang cara pengedaran dadah, serta menunjukkan peningkatan sikap terhadap masa depan dan matlamat hidup. Dapatan kajian ini mampu memberikan input berguna kepada pihak AADK dan KPM bagi tujuan penambahbaikan program, serta intervensi dalam usaha mengurangkan masalah penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar di sekolah khususnya.

Kata kunci: Keberkesanan SHIELDS, Penyalahgunaan Dadah, Remaja Berisiko

Abstract

Following the deterioration of school discipline and the increase of drug abuse cases among the students Ministry of Education (KPM) in collaboration with the National Anti-Drug Agency (AADK) has organized a prevention program called SHIELDS to provide knowledge and raise awareness regarding drug risks and dangers. The study aims to evaluate the effectiveness of the program in enhancing the participants' knowledge of the drug and improving the self-empowerness to prevent themselves from engaging in drug abuse. This study used pre-post and follow-up designs using a set of questionnaires that included pre and post-program to measure effectiveness of the program on student's knowledge about drugs and drug trafficking, risk factors, actions taken if their peers were taking drug and attitudes towards their future. A total of 559 secondary school students from selected districts in Peninsular Malaysia were involved with this study. The findings of this study showed that there were significant differences before and after took part in the SHIELDS program in terms of knowledge and the effects of drug intake, drug-related activities, drug trafficking, and improved attitudes toward the future and the goal of life. The findings of this study can provide useful inputs to AADK and KPM for program improvement purposes, as well as interventions in reducing drug abuse among students in schools in particular.

Key word; SHIELDS Program, Evaluation of Effectiveness, at risk Students, Drug Knowledge, Attitude, Feedback.

PENGENALAN

Remaja merupakan aset penting negara. Walaubagaimanapun, kemerosotan kualiti remaja masa kini semakin membimbangkan banyak pihak, terutamanya pihak sekolah dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Lambakan kes-kes disiplin dilaporkan semakin mengkusarkan. Masalah kemerosotan disiplin dalam kalangan pelajar masa kini menjadi cabaran utama dalam dunia pendidikan. Disiplin adalah salah satu komponen penting dalam sistem persekolahan kerana ia berkait rapat dengan pembinaan akhlak, moral dan tatasusila ke arah melahirkan manusia yang berfungsi. Masalah disiplin sekolah sering di rujuk sebagai masalah salah laku pelajar, melanggar peraturan atau tingkah laku devian.

Salah laku atau devian merupakan bentuk tingkah laku yang menyimpang daripada norma-norma sosial masyarakat. Para pelajar yang melanggar peraturan-peraturan sekolah digelar sebagai pelajar bersalah laku atau pelajar devian. Pelajar yang bermasalah disiplin disekolah biasanya berprestasi rendah dalam akademik. Banyak kajian menunjukkan wujud perkaitan di antara prestasi akademik pelajar dengan ketidakpatuhan terhadap disiplin sekolah. Ini meletakkan mereka dalam keadaan berisiko tinggi seterusnya berkembang dan membesar menjadi seorang individu yang kurang berfungsi malah jika tidak dibimbing akan mendatangkan beban kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Lebih mengkusarkan apabila masalah penyalahgunaan dadah semakin meningkat dalam kalangan pelajar di sekolah. Pihak AADK telah mengeluarkan statistik penglibatan pelajar dengan masalah ini, dan statistik semakin meningkat dari masa ke semasa. Kebanyakan pelajar

yang terlibat adalah dalam kawasan yang telah dilabelkan sebagai kawasan berisiko tinggi dadah. Pihak AADK telah mengesan sejumlah 178 kawasan di seluruh Malaysia di kenalpasti kawasan bersisiko tinggi terlibat dengan dadah, iaitu di negeri Perak (30), Johor (23), Negeri Sembilan (16), Selangor (15), Kedah (13), Kelantan (13), Pahang (12), Pulau Pinang (11), WP Kuala Lumpur (10), Terengganu (10), Melaka (7), Sarawak (7) Sabah (7) dan Perlis (4).

Pihak AADK juga mendedahkan sebanyak 1,017 (42%) daripada 2,408 buah sekolah menengah di Malaysia telah di kenalpasti sebagai sekolah berisiko dadah. Beberapa negeri juga telah di kenalpasti sebagai negeri yang mempunyai jumlah sekolah berisiko yang paling banyak iaitu Perak (139 sekolah), Johor (1465 sekolah), Selangor (110 sekolah) dan Kedah (101 sekolah). Manakala negeri-negeri lain jumlah sekolah yang di kenalpasti berisiko dadah adalah antara 50-90 buah. Daripada angka tersebut seramai 913,576 (41%) daripada 2,188,525 pelajar sekolah menengah dari seluruh Malaysia di kenalpasti pernah mengambil dadah atau di kesan positif urine. Analisis keterlibatan pelajar sekolah menengah dalam ketagihan dadah meningkat secara signifikan dari 2013-2016. Statistik menunjukkan pada 2013 seramai 720 (1.8%) pelajar sekolah menengah di kesan positif dadah, pada tahun 2014 ia meningkat kepada 1469 (3.93%), dan seterusnya meningkat kepada 1,748 (3.51%) pada 2015, dan terkini sehingga Mei 2016 jumlah meningkat kepada 1,411 (3.8%).

Isu penglibatan remaja dengan penyalahgunaan dadah merupakan isu yang sangat penting untuk dibahaskan dan di kaji kerana menglibatkan sistem institusi kekeluargaan dan pendidikan. Golongan remaja berisiko ini selalunya akan terlibat dengan kes-kes disiplin di sekolah, keruntuhan akhlak dan moral, serta kemerosotan pencapaian akademik di sekolah. Umum sedi maklum bahawa remaja sekitar usia 13 hingga 19 tahun ini memang mengalami perubahan yang kritikan dalam fasa kehidupan mereka yakni transaksi daripada zaman kanak-kanak kepada zaman dewasa awal (*American Psychological Association*, 2002). Perubahan ini bukan saja menglibatkan tumbesaran fizikal, tetapi turut menglibatkan perkembangan sosial, kognitif dan emosi.

Adakalanya golongan remaja ini tersalah langkah dan terjebak dengan aktiviti yang kurang sihat akibat faktor pengaruh rakan sebaya. Trend penyalahgunaan dadah di sekolah wajar diberi perhatian yang lebih kerana perkara ini merupakan isu yang besar dan dapat memberikan kesan negatif kepada pembentukan modal insan yang berkualiti untuk kemajuan Negara pada masa depan. Dadah telah diisytiharkan sebagai musuh Negara pada tahun 1983, dan seiring dengan usaha menangani isu ini, kerajaan telah memperkenalkan Jawatankuasa Anti Dadah dan Penguatkuasa Anti Dadah pada mesyuarat cabinet bertarikh 22 Jun 1983 yang kemudiannya dikenali sebagai Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) pada tahun 2004.

Agensi ini telah diperkenalkan untuk mencegah, mengesan, membuat penahanan, serta menyiasat pesalah-pesalah yang berkaitan dengan dadah. Program-program pendidikan dan kesedaran dadah telah dilaksanakan bagi semua peringkat umur bagi menangani isu ini dengan leih baik. Antaranya adalah Program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa), SQUAD 1 Malaysia, Klinik 'Cure & Care' dan pusat rehalibitasi 'Cure & Care'.

Peningkatan kes penyalahgunaan dadah di Malaysia menunjukkan peningkatan yang membimbangkan saban hari. Sebanyak 557 kes penglibatan pelajar dalam gejala ini dilaporkan (AADK, 2016). Mohd Muzaffar Shah dan Abdul Malek (2005) mendapati bahawa remaja di

sekolah mula terlibat dengan penyalahgunaan dadah seawal usia 13 hingga 17 tahun. Menurut mereka lagi, kebanyakan golongan remaja ini mula terjebak dengan penyalahgunaan dadah selepas terlibat dengan aktiviti merokok, penyalahgunaan alkohol dan menghisap rokok.

Susulan peningkatan penagihan dadah khususnya dalam kalangan pelajar sekolah menengah di kawasan berisiko, satu program yang bercorak *camp-based* telah diperkenalkan hasil kerjasama antara Kementerian Pendidikan dan Pihak AADK. Program ini dikenali sebagai SHEILDS iaitu satu akronim yang bermaksud ‘Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya’. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran dan mengupayakan ketahanan diri murid (lingkungan umur 13 hingga 18 tahun) yang dikenalpasti berisiko dalam penyalahgunaan dadah. Program ini mula dijalankan pada tahun 2013 untuk mencapai beberapa matlamat iaitu mengenal pasti pelajar yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah, melaksanakan intervensi kepada pelajar yang terlibat, meningkatkan kesedaran dalam kalangan pelajar tentang bahaya dadah dan kesannya, memupuk sikap dan amalam yang baik serta mengamalkan gaya hidup yang lebih sihat, dan memperkasakan keupayaan serta komitmen sekolah dan keluarga dalam usaha membimbing pelajar yang berisiko untuk mengatasi masalah berkaitan dengan dadah.

Program pencegahan dadah telah pun mula berkembang di sekolah-sekolah awam moden semenjak pada tahun 1970, namun, penekanan kajian lebih menumpukan kepada elemen sosial, agama dan sejarah politik dalam mengenal pasti punca kepada permasalahan dadah yang semakin membimbangkan (Markowitz, 2010). Ekoran itu, kajian ke atas menilai keberkesanan program-program yang berkaitan dadah dalam kalangan pelajar sekolah mula mendapat perhatian para pengkaji terdahulu seperti, Bavarian, Duncan, Lewis, Miao & Washburn, (2015); Gorman (2011); Bean, Bryman, Cramer & Nemitz (1998);Loesevitz (2007); How (2014) dan Saunders, Ober, Kilmer and Michal (2016). Namun, program pencegahan masih perlu dibuktikan keberkesannya melalui kajian penilaian ke atas peserta yang menjalani program tersebut sama ada secara *meta-analisis*, *pre* dan *post* atau *longitudinal study* (Bavarian et al., 2015). Pengkaji lepas telah bersetuju dan mempunyai pendapat yang sama bahawa kajian keberkesanan program pencegahan dadah amat diperlukan dalam mengesahkan keberkesanan program pencegahan dapat memperbaiki iklim sekolah, mengendalikan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh masalah penggunaan dadah yang semakin kompleks dan rumit, pencegahan sebagai asas yang komprehensif untuk memerangi dadah dalam sesebuah negara (Michael, 2007 & How, 2014).

Pengkaji-pengkaji lain telah memulakan langkah dalam membina intervensi yang berkesan untuk menangani masalah dadah kalangan pelajar sekolah, contohnya *Guiding Good Choices* (GGC), *Life skills Training* (LST), *Lions-Quest Skills for Adolescence* (SFA), *Project ALERT*, *Project STAR* dan *The Strengthening Families Program: For Parents and Youth 10-14* (Robertson et al., 2003). Menurut Robertson et al., (2003) dalam meningkatkan usaha komuniti untuk mencegah ketagihan dadah dalam kalangan pelajar sekolah adalah dengan mengenal pasti golongan pelajar secara spesifik yang bermasalah dalam komuniti, kemudian, membangunkan sumber-sumber pencegahan yang sedia ada seperti (program pemulihan/pencegahan), membangunkan matlamat jangka pendek yang relevan dengan pengaplikasian kajian perlindungan yang dijalankan, membangunkan projek matlamat jangka panjang untuk meneruskan pemulihan yang telah sedia ada untuk pada masa akan datang dan meneruskan konsisten dalam menilai keberkesanan strategi pencegahan yang dijalankan dari semasa ke semasa. Cadangan Robertson ini adalah selari dengan apa yang telah diusahakan di Malaysia

oleh AADK dan Kementerian Pendidikan (KPM) melalui Program SHEILDS, namun beberapa perkara mungkin perlu diketahui tentang impak dari program tersebut.

Program SHEILDS dilaksanakan dalam bentuk kem yang berlangsung selama tiga hari dua malam, yang biasanya melibatkan seramai lebih kurang 50 orang pelajar yang telah dikenalpasti berisiko di setiap daerah pada setiap kem. Daripada program yang dijalankan, impak yang diharapkan ialah dapat membuat pengesanan awal pelajar yang bermasalah dan berisiko. Selain itu, program ini bertujuan untuk membina pengetahuan, kefahaman dan kesedaran tentang bahaya penyalahgunaan dadah ditingkatkan. Program ini turut dilaksanakan bagi membina kemahiran hidup seperti kemahiran asertif, kemahiran daya tindak dan kemahiran menangani tekanan. Pembinaan sikap positif dan gaya hidup yang sihat serta penglibatan dan keupayaan keluarga dalam membimbing anak-anak mereka mengatasi masalah berkaitan dadah turut dapat ditingkatkan.

Program ini mempunyai beberapa fasa iaitu pertama pemilihan pelajar yang berisiko tinggi oleh pihak sekolah melalui guru disiplin dan kaunselor. Setelah itu fasa dua dimana intervensi awal diberikan yang melibatkan hubungan antara pelajar, keluarga dan AADK. Fasa ketiga pula merupakan pelaksanaan SHIELDS yang melibatkan kumpulan sasaran iaitu pelajar yang positif air kencing dan pelajar yang berisiko tinggi. Kriteria pelajar berisiko adalah merujuk kepada (surat pekeliling ikhtisas 2/1979). Antara pengisian dalam Kem SHEILDS ialah pentadbiran soal selidik pra program, latihan dalam kumpulan (LDK), ceramah dan tazkirah, riadah, aktiviti fizikal, bicara hati serta penilaian pasca program.

Program ini di dapati boleh memberikan impak yang besar kepada pembentukan remaja di Malaysia. Namun sehingga kini tidak banyak kajian yang telah dilakukan untuk menilai keberkesanan program SHIELDS di Malaysia. Kajian yang pernah dilakukan sebelum ini misalnya (Sabita, Mahmood and Muhamad Kasa, 2013) sudah agak lama dan lebih bersifat permukaan sahaja yang berkemungkinan ia tidak lagi relevan dengan keadaan semasa. Maka, kajian ini telah dijalankan bagi menilai sejauhmana keberkesanan program ini dalam memberi kesedaran kepada pelajar, serta memberikan input berguna kepada pihak-pihak yang berkaitan untuk tindakan penambahbaikan program dan intervensi yang akan dilaksanakan pada masa akan datang.

Kajian lain yang berskala kecil ialah kajian keberkesanan program SHEILDS terhadap pelajar di Kluang, Johor oleh Jamaludin (2013) berkenaan impak program tersebut merangkumi 4 tahap iaitu tahap reaksi, tahap pembelajaran, tahap tingkah laku dan tahap keberhasilan berdasarkan Model Penilaian Kirkpatrick (1998) yang mengukur bagaimana individu (peserta) memberi reaksi terhadap program yang disertainya, tahap pembelajaran dan pengetahuan, kemahiran serta sikap yang terhasil setelah menyertai program. Seramai 37 peserta yang terlibat dalam program SHIELDS bagi sesi 2012 telah di temubual. Hasil kajian mendapati keempat-empat aspek yang dikaji menunjukkan reaksi positif di mana peserta berpuas hati dengan latihan yang diikuti, mendapat pengetahuan serta dapat meningkatkan kemahiran, berlakunya perubahan sikap serta mendapat manfaat meninggalkan dadah.

Ais Mohd Sulibin (2013) juga mengkaji perkara yang sama tetapi menggunakan sampel dan kawasan berlainan iaitu di daerah Mersing Johor. Responden kajian adalah 28 orang peserta yang telah menyertai program SHIELDS bagi sesi 2012 bertempat di empat buah sekolah menengah harian biasa. Kajian ini menggunakan pendekatan *mix-method* (kaedah gabungan)

secara tinjauan dan temubual dengan menggunakan kaedah persampelan berstruktur. Instrumen yang digunakan adalah soal selidik dan protokol temu bual. Aspek yang diukur adalah kepuasan peserta terhadap program SHIELDS, impak keberkesanan dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap. Dapatan kajian menunjukkan keempat-empat aspek yang di kaji menunjukkan reaksi positif di mana peserta berpuas hati dengan latihan yang diikuti, mendapat pengetahuan serta dapat meningkatkan kemahiran, berlakunya perubahan sikap serta mendapat manfaat untuk menjauhi dadah. Kajian ini juga merumuskan program SHIELDS yang dijalankan AADK negeri Johor di daerah Mersing adalah berkesan.

Banyak kajian terdahulu telah dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji lain dalam menilai keberkesanan SHIELDS yang telah dianjurkan di seluruh Malaysia saban tahun. Namun begitu, statistik penglibatan remaja terutamanya para pelajar sekolah menengah dalam isu penyalahgunaan dadah semakin membimbangkan. Sehubungan dengan itu, pengkaji mengambil peluang untuk menjalankan kajian ini dengan melibat keberkesanan SHIELDS dari segi peningkatan pengetahuan mengenai bahaya dadah serta perubahan sikap positif yang diharapkan berlaku selepas para peserta mengikuti SHIELDS.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini secara amnya adalah untuk mengkaji keberkesanan SHIELDS dalam memberikan pengetahuan kepada peserta dengan kesan penyalahgunaan dadah dengan menggunakan pendekatan penilaian pra dan pasca program. Kajian ini turut dijalankan bagi merungkai samada program ini dapat meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan kesedaran tentang bahaya penyalahgunaan dadah, kemahiran daya tindak, kemahiran menangani tekanan dan samada kemahiran-kemahiran yang diperoleh ini digunakan untuk mengelakkan diri dari pengaruh rakan sebaya dan persekitaran berisiko ke arah penyalahgunaan dadah.

METODOLOGI

Reka bentuk dan sampel kajian

Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan pendekatan metodologi kuantitatif dan kualitatif yang mengaplikasikan reka bentuk kajian survei dan temubual berbentuk temubual mendalam secara bersemuka dan kumpulan fokus untuk pengumpulan data. Sampel kajian ini terdiri daripada remaja wanita dan lelaki yang berusia antara 13 hingga 18 tahun. Responden yang terlibat adalah merupakan 559 orang peserta SHIELDS yang telah dipilih oleh 16 buah Pejabat Pendidikan Daerah yang terlibat. Responden kajian ini kebanyakannya merupakan pelajar-pelajar berisiko tinggi yang menunjukkan keputusan saringan air kencing yang positif atau mereka yang mempunyai masalah disiplin di sekolah.

Instrumen kajian

Soal selidik telah dibina oleh pasukan penyelidik yang merangkumi bahagian pengetahuan umum tentang kesan pengambilan dadah, tindakan mereka apabila rakan terlibat dengan dadah, aktiviti yang berkaitan dengan dadah, cara pengedaran dan penjualan dadah, pengetahuan tentang dadah, faktor berisiko (ujian pra program sahaja), sikap terhadap masa depan dan matlamat hidup, kecenderungan tingkah laku negatif serta kesan yang wujud dalam diri selepas mengikuti SHIELDS.

Set soal selidik ini menggunakan skala binari (ya, tidak) untuk keseluruhan item, kecuali bagi konstruk sikap terhadap masa depan dan matlamat hidup serta pengetahuan tentang dadah yang menggunakan 5 skala likert (1- sangat tidak setuju, 5 – sangat setuju). Instrumen kajian ini di bina sendiri oleh pengkaji untuk melihat sejauh mana pengetahuan responden tentang pengetahuan mengenai dadah serta aktiviti berisiko yang lain.

Set soal selidik pra mengandungi 109 item secara keseluruhannya. Untuk set soalan pra dan pasca, bahagian B dimulai dengan soalan subjektif mengenai pengetahuan responden mengenai nama atau jenis dadah dan kandungan bahan kimia yang terkandung dalam dadah. Bahagian C pula mengandungi 12 item yang berkaitan dengan pengetahuan responden mengenai kesan-kesan fizikal pengambilan dadah. Semua item di nilai menggunakan skala binari dengan pilihan jawapan ya dan tidak. Item-item pengetahuan mengenai kesan fizikal akibat pengambilan dadah ini mempunyai nilai *Alfa Cronbach* sebanyak 0.86.

Bahagian D pula mempunyai 8 item mengenai tindakan responden jika rakan mengambil dadah. Keseluruhan item ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang sederhana iaitu 0.65. Kesemua item turut dinilai menggunakan skala binari (ya, tidak). Bahagian E pula adalah berkaitan dengan aktiviti berisiko berkaitan dengan dadah. Item-item dalam bahagian ini berkisarkan tentang risiko pelawaan aktiviti yang berkaitan dengan dadah yang mungkin di terima oleh responden daripada rakan-rakan sebaya mereka yang berisiko tinggi. Keseluruhan 7 item dalam bahagian ini mempunyai nilai *Alfa Cronbach* pada tahap yang tinggi iaitu 0.85

Soal selidik disambung dengan bahagian F iaitu pengetahuan peserta mengenai cara pengedaran dan penjualan dadah. Bahagian ini mempunyai 9 item yang turut menggunakan skala binari dengan pilihan jawapan ya dan tidak. Nilai kebolehpercayaan bahagian ini juga berada di tahap sederhana iaitu 0.66. Bahagian seterusnya adalah Bahagian G yang berkaitan dengan pengetahuan responden terhadap pengetahuan asas tentang dadah. Bahagian ini mempunyai 11 item secara keseluruhannya dan diukur menggunakan 5 skala *likert* dimana skala 5 menunjukkan responden sangat setuju dengan pernyataan yang diberikan, dan skala 1 bagi respon sangat tidak setuju. Nilai *Alfa Cronbach* untuk bahagian ini dilaporkan tinggi dengan nilai 0.84.

Bahagian seterusnya adalah bahagian yang mengukur faktor berisiko responden. Sebanyak 9 item telah di bina untuk mendapatkan nilai kekerapan responden melibatkan diri dengan aktiviti berisiko seperti mencuri, bergaduh, mengambil dadah dan melakukan hubungan seksual. Bahagian ini di ukur menggunakan skala binari dan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.86. Bahagian seterusnya juga turut menggunakan 5 skala likert sebagai medium pengukuran. Sebanyak 20 item telah dibina bagi mengukur sikap responden terhadap

masa depan dan matlamat hidup. Subskala sikap yang diukur terbahagi kepada 5 iaitu sikap terhadap diri, sikap terhadap ilmu, sikap terhadap masa depan dan matlamat hidup, sikap terhadap keluarga dan sikap terhadap sahsiah dan moral. Bahagian ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik iaitu sebanyak 0.73.

Kedua-dua set soal selidik pra dan pasca cuma mempunyai perbezaan di bahagian terakhir soal selidik di mana set soal selidik pra mempunyai 7 item yang mengukur kecenderungan responden atau peserta kajian terhadap kesan negatif akibat pengambilan bahan. Item-item ini mempunyai nilai *Alfa Cronbach* yang tinggi iaitu sebanyak 0.82. Untuk set soalan pasca pula, sebanyak 18 item telah dibina bagi mengetahui kesan yang wujud pada diri responden selepas mengikuti program SHIELDS yang telah dianjurkan selama 3 hari 2 malam.

Pengumpulan data

Sebelum responden diberikan borang soal selidik, setiap daripada mereka di beritahu tentang syarat-syarat yang ditetapkan iaitu perlu bersikap jujur kerana data yang bakal di peroleh adalah penting untuk kajian ini. Selain itu, responden juga telah dimaklumkan bahawa kajian ini hanya untuk tujuan ilmiah dan segala maklumat yang mereka berikan bersifat rahsia. Masa diambil untuk setiap sesi pentadbiran soal selidik adalah sekitar 20 minit sahaja, bergantung kepada kefahaman serta kerjasama responden. Set soal selidik ini di beri semasa program SHIELDS berlangsung, iaitu sebelum program dijalankan untuk set soal selidik pra, dan juga selepas sesi terakhir program tersebut untuk pentadbiran set soal selidik pasca. Secara keseluruhannya, masa yang di ambil untuk mengumpulkan kesemua data kajian adalah selama 5 bulan.

Analisis statistik

Melalui borang soal selidik yang diedarkan, data-data yang diterima dari setiap responden kemudiannya dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Package for Social Science 21* (SPSS21). Data di analisis dengan menggunakan analisa deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif dilakukan menggunakan ujian kekerapan bagi mendapatkan taburan demografik responden yang terlibat. Analisis Ujian T pula digunakan untuk mengenal pasti perbezaan signifikan skor min skop item yang dikaji mengikut keterlibatan responden dengan dadah serta perbezaan signifikan min sebelum dan selepas program SHIELDS dijalankan.

HASIL KAJIAN

Dari segi aspek demografi, kesemua 559 orang responden adalah pelajar sekolah menengah yang terdiri daripada lelaki (93.9 %) dan perempuan (6.1%). Kebanyakan responden adalah pelajar dari lingkungan umur 13 hingga 18 tahun. Agama dan etnik majoriti responden adalah Melayu Islam (96.1%). Sebanyak 16 buah daerah telah terlibat dengan kajian ini, iaitu Dang Wangi (6.4%), Sentul (6.8%), Cheras (8.2%), Kuala Pilah (6.8%), Jempol (7%), Muar (6.6%), Batu Pahat (7%), Kulim(6.1%), Kota Tinggi (5.4%), Kampar (6.6%), Manjung (7.3%), Barat Daya (5.4%), Sepang (5.9%), Hulu Langat (5%), Petaling (4.7%) dan Klang (4.8%). Jadual 1 menunjukkan keseluruhan data demografi peserta yang terlibat dengan kajian ini.

DEMOGRAFI	PESERTA (N)	PERATUSAN (%)
Jantina		
Lelaki	525	93.9
Perempuan	34	6.1
Bangsa		
Melayu	537	96.1
India	16	2.9
Lain-lain	6	1.1
Umur		
Menengah Rendah (13-15)	268	47.9
Menengah Atas (16-18)	281	52.1
Keterlibatan Dadah		
Terlibat	142	25.4
Tidak Terlibat	417	74.6

Jadual 1 : Analisis Demografi Peserta Kajian Keberkesanan SHIELDS 2017

Perbezaan Diantara Ujian Pra-pasca Mengikut Dimensi Kesan Fizikal, Tingkah Laku Menghalang, Aktiviti Berkaitan Dadah, Cara Pengedaran Dan Pengetahuan Tentang Dadah

Berdasarkan Jadual 2, pengkaji dapat melihat peningkatan hampir kesemua dimensi pengukuran yang ditadbir semasa pra dan pasca SHIELD. Hasil analisis Ujian T mendapati perbezaan skor yang signifikan antara pra dan pasca SHIELDS dan membuktikan SHIELDS mampu memberi kesan yang positif kepada para peserta mengikut dimensi peningkatan pengetahuan mereka terhadap kesan fizikal akibat pengambilan dadah, tindakan apabila rakan mereka terlibat dengan dadah, penglibatan dengan aktiviti berisiko yang berkaitan dengan dadah, pengetahuan mengenai cara pengedaran dan penjualan dadah, pengetahuan mengenai bahaya dadah, sikap peserta terhadap diri sendiri, sikap mereka terhadap ilmu, masa depan dan matlamat hidup, keluarga, serta sikap terhadap moral dan sahsiah hidup.

Keputusan ujian-t menunjukkan wujud perbezaan yang signifikan bagi skor pengetahuan tentang kesan fizikal pengambilan dadah diantara skor min bagi ujian pra dan pasca [$t(558) = 6.283, p < .05$]. Keputusan menunjukkan bahawa terdapat peningkatan skor min bagi aspek pengetahuan tentang kesan fizikal pengambilan dadah dalam ujian pra ($M = 7.99, SD = 3.440$) dan ujian pasca ($M = 9.0948, SD = 3.35690$). Bagi domain tingkah laku menghalang, Keputusan ujian-t mendapati bahawa tidak wujud perbezaan yang signifikan bagi skor tingkah laku menghalang dadah diantara skor min bagi ujian pra dan ujian pasca [$t(558) = 1.48780, p > .05$]. pengkaji mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan skor min bagi tingkah laku menghalang dadah untuk ujian pra ($M = 5.56, SD = 1.221$) dan ujian pasca ($M = 5.6512, SD = 1.23202$).

Keputusan ujian-t menunjukkan wujud perbezaan yang signifikan bagi skor aktiviti berkaitan dadah diantara skor min bagi ujian pra dan pasca [$t(558) = 5.765, p < .05$]. Keputusan menunjukkan bahawa terdapat peningkatan skor min bagi aspek aktiviti berkaitan dadah dalam ujian pra ($M = 1.67, SD = 1.624$) dan ujian pasca ($M = 4.6136, SD = 1.82240$). Perbezaan yang

signifikan juga wujud bagi skor cara pengedaran dan penjualan dadah bagi ujian pra dan pasca [$t(558) = 6.5463, p < .05$]. Keputusan menunjukkan bahawa terdapat peningkatan skor min bagi aspek pengetahuan tentang cara pengedaran dan penjualan dadah dalam ujian pra ($M = 4.18, SD = 1.568$) dan ujian pasca ($M = 4.6136, SD = 1.57380$).

Seterusnya, pengkaji telah menganalisis perbezaan skor min antara ujian pra dan pasca bagi domain pengetahuan mengenai bahaya dadah. Keputusan mendapati tidak wujud perbezaan yang signifikan bagi skor pengetahuan tentang dadah diantara skor min bagi ujian pra dan ujian pasca [$t(558) = 1.316, p > .05$]. pengkaji mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan skor min bagi pengetahuan tentang dadah untuk ujian pra ($M = 43.83, SD = 8.407$) dan pasca ($M = 44.4293, SD = 9.04776$).

Domain	Min	S.D	Perbezaan Min	t	P
Kesan Fizikal			-1.10733	-6.283	.00
Pra	7.99	3.440			
Pasca	9.0948	3.35690			
Tingkah Laku Menghalang			0.09302	-1.478	.14
Pra					
Pasca	5.56	1.221			
	5.6512	1.23202			
Aktiviti Berkaitan Dadah			-.43470	-5.765	.00
Pra					
Pasca	1.67	1.624			
	2.1020	1.82240			
Cara Edar			-.43649	-5.463	.00
Pra	4.18	1.568			
Pasca	4.6136	1.57380			
Pengetahuan Tentang Dadah			-.60286	-1.316	.189
Pra	43.83	8.407			
Pasca	44.4293	9.04776			

Jadual 2 : Perbezaan Diantara Ujian Pra-pasca Mengikut Dimensi Kesan Fizikal, Tingkah Laku Menghalang, Aktiviti Berkaitan Dadah, Cara Pengedaran Dan Pengetahuan Tentang Dadah (N=559)

Perbezaan Di Antara Ujian Pra-pasca Mengikut Dimensi Sikap Terhadap Masa Depan dan Matlamat Hidup.

Sikap Terhadap	Min	S.D	Perbezaan Min	t	p
Diri					
Pra	15.35	2.609			
Pasca	15.4955	2.66254	-.14132	-1.075	.283

Ilmu					
Pra	15.96	3.271			
Pasca	16.2934	3.33545			
Masa Depan					
Pra	15.90	2.582			
Pasca	15.9052	2.60891			
Keluarga					
Pra	16.39	1.912			
Pasca	16.2558	2.02246			
Sahsiah Dan Moral					
Pra	16.52	3.244			
Pasca	16.7388	3.11197			

Jadual 3 : Perbezaan Diantara Ujian Pra-pasca Mengikut aspek sikap terhadap masa depan dan matlamat hidup.

Hasil analisis Ujian t yang dijalankan menunjukkan tidak terdapat perubahan yang signifikan dalam dimensi sikap peserta terhadap diri sendiri, dimana skor ujian pra dan ujian pasca yang dicatatkan adalah $[t(558) = 1.075, p > .05]$. pengkaji mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan skor min bagi aspek sikap terhadap diri untuk ujian pra ($M=15.35, SD= 2.609$) dan pasca ($M=15.4955, SD=2.66254$). Bagi domain sikap peserta terhadap ilmu, terdapat perbezaan yang signifikan bagi ujian pra dan pasca, yakni $[t(558) = 2.159, p < .05]$. Keputusan menunjukkan bahawa terdapat peningkatan skor min bagi aspek sikap terhadap ilmu dalam ujian pra ($M= 15.96, SD=3.271$) dan ujian pasca ($M=16.2934, SD=3.33545$).

Untuk ujian pra dan pasca bagi dimensi sikap terhadap masa depan, pengkaji mendapati tiada perbezaan yang signifikan bagi aspek dimensi sikap peserta terhadap masa depan dan matlamat hidup. Hasil analisis mendapati tidak wujud perbezaan yang signifikan terhadap masa depan dan matlamat hidup diantara ujian pra dan ujian pasca $[t(558) = .054, p > .05]$. Pengkaji mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan skor min bagi aspek sikap terhadap masa depan dan matlamat hidup untuk ujian pra ($M=15.90, SD= 2582$) dan pasca ($M=15.9052, SD=3.11197$).

Bagi domain sikap terhadap keluarga, keputusan ujian-t mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi aspek sikap terhadap keluarga diantara ujian pra dan ujian pasca $[t(558) = 1.272, p > .05]$. Pengkaji mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan skor min bagi aspek sikap terhadap keluarga untuk ujian pra ($M=16.39, SD= 1.912$) dan pasca ($M=16.2558, SD=2.02246$). Keputusan ujian-t mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi aspek sikap terhadap sahsiah dan moral diantara ujian pra dan ujian pasca $[t(558) = 1.44, p > .05]$. pengkaji mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan skor min bagi aspek sikap terhadap sahsiah dan moral untuk ujian pra ($M=16.52, SD= 3.244$) dan pasca ($M=16.7388, SD=2.02246$).

PERBINCANGAN

Umum mengetahui bahawa remaja adalah golongan yang bakal menerajui negara kita pada masa akan datang. Namun begitu, lambakan kes yang dilaporkan serta peningkatan statistik yang jelas menunjukkan penglibatan remaja dalam penyalahgunaan dadah amatlah membimbangkan. SHIELDS adalah program di bawah kelolaan Agensi AntiDadah Kebangsaan Malaysia, dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia dan khusus memfokuskan pencegahan awal serta intervensi untuk golongan remaja berusia 13 tahun hingga 18 tahun. Seramai 559 orang remaja telah terlibat dengan kajian ini. Pemilihan kelompok ini bersesuaian dengan risiko mereka yang mudah terjebak dengan gejala sosial, kerana pada usia ini, mereka mengalami perubahan biologikal dan emosi, yang membawa kecenderungan kepada pembuatan keputusan yang salah (Peach, 1991). Mereka turut mengalami pelbagai konflik pada peringkat usia ini (Santrock, 1997).

Dapatan kajian ini menunjukkan program SHIELDS telah berjaya mencapai sasaran iaitu memberikan pengetahuan kepada pelajar terbabit. Bagaimanapun jika dilihat kepada skor perbezaan sebelum dan selepas serta *followup* 3 bulan selepas itu kajian mendapati bahawa program SHIELDS ini hanya secara sederhana menyumbang kepada peningkatan pengetahuan pesertanya dalam aspek pengetahuan mengenai dadah, termasuklah mengenai kesan fizikal pengambilan dadah, tindakan yang perlu diambil oleh remaja sekiranya terdapat rakan mereka terlibat dengan penyalahgunaan dadah, cara pengedaran dan penjualan dadah, bahaya dadah dan aktiviti berisiko yang berkaitan dengan dadah. Pengkaji turut mengkaji tentang perubahan sikap peserta sebelum dan selepas mengikuti SHIELDS merangkumi sikap peserta terhadap diri, ilmu, masa depan dan matlamat hidup, sikap terhadap keluarga serta sikap terhadap sahsiah dan moral. Namun begitu, hasil analisis data kajian menunjukkan tidak banyak berlaku perubahan skor min sikap peserta SHIELDS terhadap diri, masa depan dan matlamat hidup, keluarga serta sikap terhadap sahsiah dan moral.

Hasil analisis yang dijalankan menunjukkan peningkatan hampir kesemua dimensi pengukuran yang ditadbir semasa pra dan pasca SHIELD. Hasil analisis Ujian t mendapati perbezaan skor yang signifikan antara pra dan pasca SHIELDS dan membuktikan SHIELDS mampu memberi kesan yang positif kepada para peserta mengikut dimensi peningkatan pengetahuan mereka terhadap kesan fizikal akibat pengambilan dadah, penglibatan dengan aktiviti berisiko yang berkaitan dengan dadah, pengetahuan mengenai cara pengedaran dan penjualan dadah, dan sikap peserta terhadap ilmu.

Pengkaji mendapati wujud perbezaan yang signifikan dalam dimensi pengetahuan kesan fizikal akibat pengambilan dadah, aktiviti berisiko yang berkaitan dadah serta peningkatan pengetahuan tentang cara edar dan penjualan dadah. Permerhatian dan penelitian pengkaji terhadap isi kandungan pengisian program SHIELDS adalah merangkumi penekanan terhadap peningkatan pengetahuan mengenai bahaya dadah serta turut menitikberatkan pengisian motivasi dan santapan rohani menerusi aktiviti selingan ceramah agama, solat berjemaah serta penekanan prinsip moral terhadap peserta. Strategi ini dianggap bagus dan sangat berkesan kerana tidak hanya menekankan elemen pengetahuan, tetapi turut menyediakan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pembentukan modal insan yang lebih berkualiti. Gabungan kedua elemen ini mampu menjadikan sesuatu program yang dijalankan itu lebih berkesan dan mampu memberikan impak yang positif terhadap peserta (Tobler et. al., 2000).

Selain itu, peningkatan pengetahuan terhadap domain-domain ini selepas ujian pasca SHIELDS juga adalah kerana pembuktian kes-kes yang diceritakan kepada peserta adalah kes-kes yang diambil dari kisah yang sebenar, bukan rekaan semata-mata. Springer, Hermann dan Sabrano (2002) mendapati bahawa aktiviti-aktiviti atau program yang membawa serta menyediakan bukti yang diambil daripada kejadian sebenar lebih memberi kesan kepada para peserta yang menghadiri program tersebut. Kandungan pengisian SHIELDS yang membawakan penceramah daripada Jabatan Penjara, Pegawai Polis, Pegawai Agama, Pegawai Kesihatan dengan pembentangan data serta kes-kes yang sebenar sedikit sebanyak mampu membuka mata para peserta untuk menilai bahaya ancaman penyalahgunaan dadah, di samping meningkatkan pengetahuan mereka tentang bahaya dadah serta mengurangkan risiko para peserta untuk kembali terjerumus dengan dadah dan terus bertekad untuk menjauhinya.

Program SHIELDS mampu memberikan pengetahuan terhadap bahaya dadah, sekali gus membawa kecenderungan untuk mengelakkan diri daripada dadah. Umumnya, pengkaji mendapati bahawa SHIELDS mampu membawa perubahan yang baik dalam kalangan peserta dalam jangka masa yang pendek.

Untuk beberapa dimensi sikap peserta yang tidak menunjukkan perubahan yang signifikan pula, pengkaji mendapati bahawa manusia akan menerima sesuatu pandangan atau tingkahlaku yang baru sekiranya dia menjangkakan terdapat manfaat daripada pandangan atau perubahan tingkahlaku itu. Hal ini selari dengan dapatan Daniel, Bernhardt dan Eroglu (2009) di mana perubahan tingkahlaku bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilakukan, terutamanya dalam masa yang sangat singkat sebagaimana pelaksanaan SHIELDS yang cuma mengambil masa selama 3 har 2 malam. Pengkaji mencadangkan agar tempoh pelaksanaan ini dikaji semula agar perubahan yang maksimum dalam diri peserta dapat dicapai.

RUMUSAN

Kesimpulannya, pengkaji mendapati bahawa pelaksanaan SHIELDS ini dapat memberikan impak yang positif kepada para pesertanya. Namun begitu, beberapa penambahbaikan perlu dilakukan demi memastikan kesan yang maksimum kepada para peserta. Pelaksanaan program yang lebih lama ataupun secara berkala boleh dilakukan bagi memastikan kelangsungan perubahan dan kawalan terhadap golongan remaja yang berisiko ini. *Tracing study* juga dilakukan bagi mengkaji trend perubahan golongan peserta sepanjang hayatnya bagi mengukur keberkesanan SHIELDS atau program-program pencegahan dadah yang lain, di samping dapat mewujudkan data profil bekas peserta SHIELDS ini.

Limitasi kajian yang paling jelas di kesan oleh pengkaji adalah lambakan aktiviti dalam dewan sahaja. Aktiviti-aktiviti sepanjang kem lebih tertumpu kepada ceramah serta latihan dalam kumpulan di dalam bilik (dewan). Hal ini menyebabkan peserta bosan dan hilang fokus. Pelaksanaan modul seumpama ini tidak bersesuaian dengan kriteria peserta yang berisiko tinggi. Modul yang berbentuk lebih fleksibel dan sesuai perlu disediakan oleh pihak AADK, tetapi masih selari dengan objektif asal pelaksanaan kem. Umpamanya mengadakan aktiviti luaran dan refleksi di luar bilik darjah sesuai dengan jiwa anak muda. Pengkaji mencadangkan agar lebih banyak aktiviti luaran boleh disesuaikan dan dilaksanakan sepanjang kem. Intervensi-intervensi yang menggalakan kemahiran mengurus tekanan, kemahiran arsetif, kemahiran untuk katakan

tidak kepada tawaran dadah dan penyalahgunaan bahan yang lain boleh dilakukan melalui aktiviti luar dewan.

PENGHARGAAN

Pasukan penyelidik ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada pihak AADK yang telah sudi memberikan dana di bawah kod penyelidikan SK-2017-008 untuk menjalankan penyelidikan ini. Penghargaan juga untuk Fakulti Sains Sosial dan Pusat Pengurusan Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia kerana membantu menjayakan program penyelidikan ini.

RUJUKAN

Ais Mohamad Sulbidin (2013). Impak Program Pencegahan Dadah SHIELDS Kepada Pembangunan Pelajar di Daerah Mersing Johor. Thesis sarjana pendidikan UTM Skudai Johor.

American Psychological Association. (2002). Ethical Principles of Psychologists and Code of Conduct. Retrieved from <http://www.apa.org/ethics/code/>.

Agensi Anti Dadah Kebangsaan. (2016). Maklumat Dadah 2016. Retrieved from <https://www.adk.gov.my/wp-content/uploads/BUKU-STATISTIK-2016.pdf>

Bavarian, N., Duncan, R., Lewis, K.M, Miao, A., & Washburn, I. J. (Adolescent Substance Use Following Participation in a Universal Drug Prevention Program: Examining Relationships With Program Recall and Baseline Use Status. *Subst Abus*, 36(3), 359-367.

Bean, P., Bryman, Alan, Cramer, D., & Nemitz, T. (1998). Drug prevention and the DARE programme in Britain. *International Review of Law, Computers & Technology*, 12(3), 487-500.

Daniel, K.L., Berhardt, J.M., Eroglu, D. (2009). Social marketing and health communication: from people to places. *American Journal of Public Health*, Vol 99 (12), 2120-2122.

Gorman, D. (2011). Does the Life Skills Training program reduce use of marijuana? *Addiction Research & Theory*, 19(5), 470-481.

How, T. (2014). Drug education in schools: laying the foundation for drug abuse prevention. *International Journal of Prevention and Treatment of Substance Use Disorders*, 98-107.

Jamaludin Salimin. (2013). Impak Program Pencegahan Dadah SHIELDS kepada Pembangunan Pelajar di Daerah Kluang, Johor. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

- Lize, St E., Iachini, A. L., Tang, W. T., Joshua S., Kristen D.C., Stephanie, C., DeHart, Dana., & Browne, T. (2016). A Meta-analysis of the Effectiveness of Interactive Middle School Cannabis Prevention Programs. *Prevention Science*, 18(1), 50-60.
- Loesevitz, M. (2007). Random Drug Testing in Public Schools. *Journal of Law and Education*, 36(3), 453-460.
- Mohd Muzafar Shah Mohd Razali & Abdul Malek Abdul Rahman (2005). Peranan Kaunselor dalam Mencegah Penyalahgunaan Dadah di Kalangan Pelajar Sekolah Kertas kerja yang dibentangkan di Konvensyen Persatuan Kaunseling Malaysia anjuran Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA). ESSET, Bangi. 24-26 Jun.
- Robertson, E. B., David, S.L. & Rao, S.A. (2003). *Preventing Drug Use among Children and Adolescents. A Research-Based Guide for Parents, Educators, and Community Leaders*. United States :NIH Publication.
- Sabitha Merican, Mahmood Nazar Mohamed dan Muhamad Dzahir Kasa. (2013). Keberkesanan Program Shields Dalam Mencegah Penyalahgunaan Dadah Di Kalangan Remaja Berisiko. Laporan Akhir AADK.
- Saunders, J., Ober, J., Kilmer, B., & Michal, S. (2016). *A Community-Based, Focused-Deterrence Approach to Closing Overt Drug Markets*. United States of America: RAND Corporation.
- Springer, J.F., Hermann, J., Sambrano, S. (2002). Characteristics of Effective Substance Abuse Prevention Programs For High-Risk Youth. *Prevention Tactics*. EMT Group Inc.
- Tobler, N.S., Roona, M.R., Ochshorn, P., Marshall, D.G., Streke, A.V., & Stackpole, K.M. (200). School-based adolescent drug prevention program: 1998 meta-analysis. *The Journal of Primary Prevention*, 20, 275-336.